



**MINIT MESYUARAT
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, BAHAGIAN
PERKHIDMATAN TEKNIKAL
(KSKBPT) BIL. 2/ 2006**

Tel: 05-5406000; Fak: 05-5406100 ;
webpage: <http://kskbpt.cjb.net>



Tarikh : 11.07.2006
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Blok Zamrud, BPT.
Masa : 09.00 pg

HADIR :

1. Tn. Hj. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hasan (Presiden) - Pengerusi
2. Tn. Hj. Azhari Bin Ahmad (Timbalan Presiden)
3. En. Mohd. Zahar Bin Ibrahim (Bendahari Kehormat & Webmaster)
4. Pn. Hjh. Noor Ashikin bt Abd. Razak (Pen. Bendahari Kehormat)
5. Pn Ramlah Bt Satar (Pen Setiausaha Kehormat)
6. En Jontih Enggihon (Pengerusi Biro Sukan)
7. Pn Zuliza Bt Ahmad Nor (Pengerusi Biro HELWA)
8. En Zahrulnajmi Bin Mohd Salleh(AJK)
9. En. Mohd Fuzi Bin Hashim (Setiausaha Kehormat) - Setiausaha

TIDAK HADIR :

10. En. Abdullah Bin Sulaiman (Pengerusi Biro Rekreasi)
11. En Abd Aziz B Mohd Nor (Pengerusi Biro Kebajikan & Sosial)
12. Pn. Hamisah Binti Adnan (AJK)

AGENDA MESYUARAT

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

2.0 PEMBAHAGIAN TUGAS AJK KSKBPT SESI 06/08

3.0 PERANCANGAN AKTIVITI SESI 06/08

4.0 HAL-HAL LAIN

5.0 PENUTUP

Bil	PERKARA	TINDAKAN																	
1.0	PERUTUSAN Pengerusi																		
	<p>Tn Hj Mohd Zaidi selaku Presiden Kelab merangkap pengerusi mesyuarat mengalu-alukan kehadiran semua hadirin ke mesyuarat KSKBPT kali pertama selepas mesyuarat Agung yang lalu. Pengerusi seterusnya membangkitkan objektif utama penubuhan Kelab Sukan antara lain adalah untuk 'Memberi Khidmat Sosial dan Kebajikan kepada Ahli'.</p> <p>Pengerusi juga memaklumkan, bahawa tujuan diadakan mesyuarat adalah untuk :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memperincikan pembahagian tugas kepada AJK • Membincangkan perancangan aktiviti sesi 06/08. • Tuntutan 'Matching Grant' daripada HQ. 																		
2.0	PEMBAHAGIAN TUGAS AJK KSKBPT SESI06/08																		
2.1	Pengerusi mencadangkan agar semua Biro pada sesi lalu ditubuhkan semula.	Makluman																	
2.2	Pengerusi seterusnya mengumumkan perantikan Pengerusi-Pengerusi Biro berikut untuk Kelab Sukan dan Kebajikan BPT bagi sesi 2006/2008.																		
2.3	<p>Berikut dinyatakan butir-butirnya:</p> <table border="1" data-bbox="181 1043 1018 1384"> <thead> <tr> <th>Biro</th> <th>Pengerusi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Biro Ekonomi</td> <td>Tn Hj Azhari B Ahmad</td> </tr> <tr> <td>Biro Sukan</td> <td>En Johntih Engihon</td> </tr> <tr> <td>AJK</td> <td>En Zahrnaji Bin Mohd Salleh(Pen.)</td> </tr> <tr> <td>Biro Rekreasi</td> <td>En Abdullah Bin Sulaiman</td> </tr> <tr> <td>Biro HELWA</td> <td>Pn Zuliza Bt Ahmad Nor</td> </tr> <tr> <td>AJK</td> <td>Pn Hamisah Bt Adnan (Pen.)</td> </tr> <tr> <td>Web_Team</td> <td>En Mohd Zahar Bin Ibrahim</td> </tr> <tr> <td>Biro Kebajikan</td> <td>En Abd Aziz Bin Md Nor</td> </tr> </tbody> </table>		Biro	Pengerusi	Biro Ekonomi	Tn Hj Azhari B Ahmad	Biro Sukan	En Johntih Engihon	AJK	En Zahrnaji Bin Mohd Salleh(Pen.)	Biro Rekreasi	En Abdullah Bin Sulaiman	Biro HELWA	Pn Zuliza Bt Ahmad Nor	AJK	Pn Hamisah Bt Adnan (Pen.)	Web_Team	En Mohd Zahar Bin Ibrahim	Biro Kebajikan
Biro	Pengerusi																		
Biro Ekonomi	Tn Hj Azhari B Ahmad																		
Biro Sukan	En Johntih Engihon																		
AJK	En Zahrnaji Bin Mohd Salleh(Pen.)																		
Biro Rekreasi	En Abdullah Bin Sulaiman																		
Biro HELWA	Pn Zuliza Bt Ahmad Nor																		
AJK	Pn Hamisah Bt Adnan (Pen.)																		
Web_Team	En Mohd Zahar Bin Ibrahim																		
Biro Kebajikan	En Abd Aziz Bin Md Nor																		
3.0	PERANCANGAN AKTIVITI SESI 06/08																		
3.1	<p>Perantikan AJK Kecil dan Perancangan Aktiviti bagi Setiap Biro</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengerusi meminta kepada semua pengerusi –pengerusi biro yang dilantik agar dapat memberikan sepenuh komitmen dalam menjalankan aktiviti kelab. 2. Berikut adalah 2 perkara yang digariskan oleh Pengerusi kepada setiap Pengerusi Biro yang dilantik: <ol style="list-style-type: none"> i. Menyediakan perancangan dan pelaksanaan aktiviti Biro dan; ii. Melantik AJK kecil dibawah biro masing-masing 3. Pengerusi Biro juga boleh melantik mana-mana AJK Kelab yang belum mempunyai komitmen untuk menjadi penolong masing-masing. 	Pengerusi Biro																	
3.2	<p>Pertukaran jawatan dan penyerahan tugas.</p> <p>Pengerusi menggesa agar proses pertukaran tugas antara pengerusi biro yang terdahulu dengan yang terkini disegerakan seberapa cepat yang boleh.</p>	Semua yang berkenaan																	

<p>3.3</p>	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Setiausaha untuk sesi06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengemaskinian dengan Bank RHB bagi proses transaksi kewangan; Tn Hj Azhari, Timb Presiden menjelaskan dua perkara berikut perlu diserahkan kepada pihak Bank RHB untuk tujuan penyelarasan disebabkan berlakunya pertukaran jawatan dalam kelab. <ol style="list-style-type: none"> i. Minit Mesyuarat Agung yang terkini dan ; ii. Laporan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagai pengesahan. 2. Setiausaha memaklumkan kepada semua Pengerusi Biro agar dapat menyerahkan senarai AJK Kecil masing-masing seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> i. Seorang Timb. Pengerusi; ii. Seorang Setiausaha Biro; dan iii. AJK(bilangan tidak terhad, lebih banyak lebih baik) 3. Satu senarai perancangan aktiviti untuk sesi 2006/2008 juga perlu diserahkan dengan melengkapkan butir-butir berikut; <ol style="list-style-type: none"> i. Tajuk Program(<RM1000.00)/Projek(>RM1000.00); ii. Pengurus ; iii. Tarikh Perlaksanaan ;dan iv. Sasaran peserta 4. Kedua-dua perkara diatas dikehendaki diserahkan selewat-lewatnya 31 Julai, 2006. 5. Disebabkan aktiviti kutipan yuaran dibawah seliaan bendahari, setiausaha memaklumkan akan menyerahkan proses potongan gaji melalui potongan biro angkasa kepada Bendahari kehormat. 6. Setiausaha juga memaklumkan setiap Pengerusi Biro melalui setiausaha masing-masing perlu menyerahkan laporan perkembangan perjalanan Biro melalui e-mail kepada setiausaha tiga(3) hari sebelum mesyuarat diadakan untuk tujuan rekod. 7. Setiausaha mengumumkan perlantikan Pn Ramlah Bt Satar selaku Penolong Setiausaha Kehormat, KSKBPT. Berikut dinyatakan justifikasi perlantikannya; <ol style="list-style-type: none"> i. Kemudahan penyaluran maklumat/perkembangan terkini sebarang aktiviti yang berkenaan dengan kakitangan BPT;dan ii. Memudahkan urusan kemasukan ahli baru semasa kakitanga baru melapor diri. 8. Keahlian <ol style="list-style-type: none"> i. Bendahari mencadangkan untuk manganjurkan Kempen keahlian, dimana masih banyak kakitangan BPT yang masih belum menjadi ahli. Untuk makluman daripada 202 kakitangan BPT hanya 145 orang sahaja yang menjadi ahli. ii. Tn Hj Azhari, selaku Timb Presiden mencadangkan agar kempen keahlian ini dilancarkan semasa perhimpunan bulanan. iii. Presiden mencadangkan agar keahlian kelab diwajibkan kepada semua kakitangan BPT. iv. En Jontih mencadangkan beberapa perkara untuk mengatasi soal keahlian ini. Berikut dinyatakan butir-butirnya; <ul style="list-style-type: none"> - Kelab mengadakan kerjasama dengan cawangan pentadbiran untuk menguruskan soal keahlian bagi kakitangan yang baru mendaftar di BPT. - Kelab memohon kepada Pengarah untuk mewajibkan keahlian KSKBPT kepada semua kakitangan BPT. Untuk itu kelab perlu nyatakan dengan jelas kepentingan yang akan diperoleh oleh kakitangan sekiranya menjadi ahli termasuk dari segi kebajikan/ aktiviti sukan/ sosial/ rekreasi dan lain-lain. - Kelab mohon kepada Pengarah BPT untuk memberikan 'markah tambahan' untuk PTK kepada kakitangan yang menjadi ahli. 	<p>Setiausaha</p>
-------------------	---	-------------------

<p>3.4</p>	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Bendahari Kehormat untuk sesi06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kedudukan kewangan Kelab <ol style="list-style-type: none"> i. Tn. Pengerusi memaklumkan dalam akaun kelab hanya terdapat RM 700.00 sahaja. ii. Timb Presiden memaklumkan, bayaran tertunggak tuntutan makan/minum daripada BPT kepada Kelab adalah RM5000.00 2. En Mohd Zahar, selaku Bendahari mencadangkan agar diadakan kutipan yuran berkala (setiap tiga bulan sekali). Buat masa ini setiap cawangan telah dilantik saorang pengutip yuran untuk menguruskan kutipan bulanan. 3. Pn Zuliza mencadangkan agar Bendahari menampal atau menghebahkan kepada umum senarai pengutip yuran dan tarikh bayaran yang perlu dijelaskan oleh ahli setiap bulan. 	<p>Bendahari Kehormat</p>
<p>3.5</p>	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro Sukan untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertandingan Golf Terbuka BPT JMG Ipoh. En Jontih selaku Pengerusi Biro Sukan pada sesi ini bercadang mengadakan pertandingan Golf terbuka BPT JMG Ipoh sebagai salah satu aktiviti utama Biro Sukan pada sesi ini. Mesyuarat dimaklumkan kelab akan mendapat sumber kewangan yang besar sekiranya aktiviti ini berjaya dianjurkan. Namun untuk mendapat penyertaan yang besar, ianya perlu dianjurkan atas sebab-sebab kebajikan samada untuk membantu rumah anak yatim atau lain-lain sebab yang berkenaan. 2. Sukan Kompleks BPT <ol style="list-style-type: none"> i. Sukan ini diadakan secara tahunan dan disertai oleh BPT, JMG Negeri Perak dan PPM. ii. Ianya dianjurkan secara bergilir-gilir dan pada tahun ini giliran PPM untuk menjadi tuan rumah. 3. Sukan NRE <ol style="list-style-type: none"> i. Sukan ini dianjurkan setiap dua tahun sekali. Kelab perlu mengadakan kerjasama dengan ketiga-tiga kelab untuk menguruskan pemilihan pemain bagi mewakili JMG. 4. Sukan MAKSAK <ol style="list-style-type: none"> i. Sukan ini dianjurkan setiap tahun dan KSKBPT kebiasaannya menghantar atlit untuk sukan Sepak Takraw, Badminton dan Catur. ii. Timb Presiden, mencadangkan pada tahun ini kelab menghantar penyertaan tambahan untuk menyertai aturcara olahraga sukan MAKSAK bagi katogori vateren yang dipertandingkan. iii. Timb Presiden juga memaklumkan untuk penyertaan, peserta/AJK Biro Sukan perlu mengisi dan menghantar borang yang diedarkan kepada pejabat melalui kelab gabungan Maksak 5. Sukan Muzium <ol style="list-style-type: none"> i. Muzium JMG telah menjadi Johan keseluruhan bagi 2 tahun berturut-turut. ii. Pada tahun hadapan sukan Muzium akan diadakan di Negeri Melaka antara bulan April/Mei 2007. iii. Tahun lalu penyertaan dibuka kepada ketiga-tiga kelab, tapi pada tahun ini pemilihan dan penyertaan hanya akan dibuka kepada BPT iv. Pemilihan pada tahun hadapan diutamakan kepada atlit sukan yang menang sahaja disebabkan peruntukan yang terbatas. 	<p>Pengerusi Biro Sukan</p>

<p>3.6</p>	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro Ekonomi untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tn Pengerusi menggesa agar biro ekonomi boleh meneruskan aktiviti –aktiviti yang lalu ataupun yang baru dimana mampu menjana pendapatan kepada kelab. 2. Kelab dimaklumkan, wang hasil jualan kad raya yang terdahulu beserta baki kad yang belum terjual ada pada En Wahab. Oleh itu bendahari perlu mendapatkannya semula memandangkan En Wahab sudah tidak termasuk dalam AJK kelab. Jualan Kad raya pada tahun ini masih boleh diteruskan. 3. Pn Hjh Noor Ashikin mencadangkan agar kelab membuat baju jabatan/kelab untuk jualan kepada staf JMG. Bayaran boleh dibuat secara ansuran dan dijangka akan mampu menambahkan pendapatan kelab. Mesyuarat sebulat suara bersetuju. 4. Pn Hjh Noor Ashikin turut mencadangkan agar Kelab memohon kepada Cawangan Pentadbiran untuk mengenakan bayaran tertentu kepada setiap wakil syarikat/jualan yang datang ke BPT untuk tujuan perniagaan dan bayaran tersebut dimasukkan kedalam tabung kelab. 5. En Zahar, selaku Bendahari kelab mencadangkan agar semua Biro-Biro dapat menjalankan aktiviti ekonomi sendiri dan tidak bergantung kepada biro ekonomi semata-mata. Hasil pendapatan boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti biro masing-masing. 	<p>Pengerusi Biro Ekonomi</p>																		
<p>3.7</p>	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro HELWA untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pn Zuliza mencadangkan bagi Biro HELWA pada sesi ini akan mengadakan lebih banyak aktiviti lawatan yang bersesuaian. 2. Pengerusi mencadangkan agar Biro Helwa pada sesi ini lebih agresif berbanding terdahulu dalam menjalankan aktiviti-aktiviti untuk ahli. 	<p>Pengerusi Biro HELWA</p>																		
<p>3.8</p>	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Web_Team untuk sesi 06/08</p> <p>En Mohd Zahar selaku Pengerusi web-Team pada tahun ini telah membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dirangka untuk dilaksanakan oleh Jawatankuasa Web-Team untuk sesi 06/08. berikut dinyatakan butir-butirnya;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perlantikan AJK yang baru; <table border="1" data-bbox="272 1406 1171 1637"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jawatankuasa Web_Team</th> <th>Kedudukan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>01</td> <td>En Mohd Zahar Bin Ibrahim</td> <td>Pengerusi</td> </tr> <tr> <td>02</td> <td>En Abd Aziz Bin Md Nor</td> <td>Timb Pengerusi</td> </tr> <tr> <td>03</td> <td>En Ahmad Nizam Bin Ishak</td> <td>Setiausaha</td> </tr> <tr> <td>04</td> <td>Pn Hamisah Bt Adnan</td> <td>AJK</td> </tr> <tr> <td>05</td> <td>Cik Fahimah Zaidah Bt</td> <td>AJK</td> </tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> 2. Pertandingan Melukis dan Mewarna 2007. 3. Membuat pangkalan data untuk penyelarasan maklumat- maklumat berkenaan keahlian/aktiviti/yuran/pencapaian dan lain-lain yang berkenaan termasuk kemudahan pemberian anugerah tahunan kepada ahli yang cemerlang . 4. Jualan gambar dan VCD ceramah setiap kursus atau aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan. 5. Pengerusi Web_Team juga meminta kerjasama semua Pengerusi Biro yang menganjurkan program supaya dapat memaklumkan aktiviti masing-masing kepada jawatankuasa Web_team untuk tujuan rekod. 	Bil	Jawatankuasa Web_Team	Kedudukan	01	En Mohd Zahar Bin Ibrahim	Pengerusi	02	En Abd Aziz Bin Md Nor	Timb Pengerusi	03	En Ahmad Nizam Bin Ishak	Setiausaha	04	Pn Hamisah Bt Adnan	AJK	05	Cik Fahimah Zaidah Bt	AJK	<p>Pengerusi Web_Team</p>
Bil	Jawatankuasa Web_Team	Kedudukan																		
01	En Mohd Zahar Bin Ibrahim	Pengerusi																		
02	En Abd Aziz Bin Md Nor	Timb Pengerusi																		
03	En Ahmad Nizam Bin Ishak	Setiausaha																		
04	Pn Hamisah Bt Adnan	AJK																		
05	Cik Fahimah Zaidah Bt	AJK																		

3.8	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro Rekreasi untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. En Abdullah selaku Pengerusi Biro rekreasi tidak hadir ke mesyuarat pada kali ini disebabkan menghadiri mesyuarat di PD, Negeri Sembilan. Oleh itu, sesi perbincangan bagi aktiviti biro ini diserahkan sepenuhnya kepada En Abdullah untuk pengisian bagi aktiviti-aktiviti biro selepas ini. 	Pengerusi Biro Rekreasi
3.9	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro Kebajikan untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. En Abd Aziz selaku Pengerusi Biro Kebajikan tidak hadir ke mesyuarat pada kali ini disebabkan menghadiri peperiksaan. Oleh itu, sesi perbincangan bagi aktiviti biro ini diserahkan sepenuhnya kepada En Abd Aziz untuk pengisian bagi aktiviti-aktiviti biro selepas ini. 2. Walaubagaimanapun berikut antara cadangan yang diberikan untuk perhatian biro kebajikan; <ol style="list-style-type: none"> i. Timb Presiden menjelaskan pada sesi ini kelab akan lebih menumpukan kepada kebajikan melebihi untuk mengimbangi aktiviti sukan. Seterusnya beliau menggesa agar pengerusi biro kebajikan mempelbagaikan aktiviti agar dapat memberi lebih manfaat kepada ahli yang memerlukan bantuan. ii. Timb presiden turut mencadangkan agar yuran kutipan ahli untuk 12 bulan dipotong 3 bulan sebagai tabungan kebajikan. 	Pengerusi Biro Kebajikan
4.0	<p>HAL-HAL LAIN</p>	
4.1	<p>Bilik Kelab/Kiosk</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bendahari mencadangkan agar dihidupkan Bilik Kelab/Kiosk yang didapati masih tidak terurus sehingga kini. 2. Bendahari turut memaklumkan hasil perbincangan dengan En Abd Aziz sebelum ini untuk mengadakan perkara berikut ; <ol style="list-style-type: none"> i. Memindahkan dan menjual semua barangan kelab di Kiosk; ii. Melantik jawatankuasa untuk tugas giliran menjaga Kiosk; dan iii. Cadangan lain ialah menyewa Kiosk kepada sesiapa yang berminat. 3. Presiden menyerahkan kepada Biro Helwa untuk tujuan hiasan dan pengindahan bilik tersebut. 	
4.2	<p>Status Rumah Kelab</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bendahari juga menyentuh mengenai status rumah kelab. 2. En Jontih memaklumkan bahawa permohonan rumah untuk kelab sudah diluluskan namun masih tidak mempunyai peruntukan untuk penambahbaikan. 	
5.0	<p>Penutup</p>	
5.1	<p>Tuan pengerusi membangkitkan semula isu-isu penting yang dibangkitkan dalam mesyuarat seperti;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyediaan Minit Mesyuarat Agung kali Ke3(2006) dan penyerahan laporan kepada pendaftar pertubuhan. 2. Penyelesaian urusan pengemaskinian keahlian kelab melalui Bank 3. Setiap biro perlu menjalankan sekurang-kurangnya satu aktiviti sebelum akhir tahun 2006. 4. Mewajibkan keahlian kepada semua kakitangan BPT 5. Berkenaan Kiosk, bendahari dan biro ekonomi diminta menguruskan aktiviti bersesuaian berkenaan perasmian, jualan dan penentuan tarikh perasmian ialah semasa perhimpunan bulanan yang terdekat. Biro Helwa diminta 	

	menghias/mengemas untuk upacara perasmian nanti. 6. Menyelesaikan urusan kutipan jualan kad raya dan jualan pelekat kenderaan	
5.2	Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi. Beliau berharap agar segala aktiviti yang dirancang akan dapat dijalankan dengan secepat yang mungkin.	

Disediakan oleh:



.....
MOHD FUZI BIN HASHIM

Setiausaha Kehormat,
Kelab Sukan Dan Kebajikan
Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Jabatan Mineral & Geosains

Disahkan oleh:

.....
Hj MOHD ZAIDI BIN MOHD HASAN

Presiden,
Kelab Sukan Dan Kebajikan
Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Jabatan Mineral & Geosains